



PENSYARAH UMP, Dr. Nor Hanuni Ramli (kiri) memberi penerangan berkenaan tanaman fertigasi kepada Daing Nasir Ibrahim (kanan) ketika melawat projek fertigasi di kediaman seorang peserta Facelift UMP di Kampung Kuala Pahang, Kuantan, baru-baru ini. - IHSAN UMP

UMP perluas projek *Facelift*

U.A. (TIMUR) 17 MEI (KHAMIS) M/S-23

KUANTAN 16 Mei - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan memperluaskan pelaksanaan projek Facelift D'Kuala yang dijalankan di Kuala Pahang ke Kampung Serun di Nenasi, Pekan dekat sini.

Program berkenaan melibatkan beberapa rumah di kawasan itu yang dikenal pasti dalam usaha memasyarakatkan universiti tersebut menerusi pengetahuan dan teknologi, sekali gus mengubah wajah perkampungan berkenaan.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, **Datuk Seri Ibrahim Ahmad** berkata, projek itu tertumpu kepada transformasi fizikal, kediaman, masyarakat setempat, sumbangan perabot dan kesedaran mengenai kebersihan.

"Kuala Pahang terletak berhampiran kampus universiti ini. Kita berasa terpanggil untuk melaksanakan proses transformasi di kawasan ini sekali gus berkongsi kepakaran dengan masyarakat setempat.

"Selain itu, projek ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup penduduk dengan aktiviti yang boleh menjana pendapatan terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah dan nelayan yang mengusahakan hasil laut," katanya pada program Ziarah Facelift @ Kuala Pahang, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim; Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyGift, Datuk Mohd. Nizar Najib dan Ketua Pegawai Operasi Petronas ICT Sdn. Bhd, Izwan Hasli Ibrahim.

Menurut Ibrahim, pihaknya memberi tumpuan dalam mentransformasikan minda dengan menekankan aspek pembangunan isi rumah

melalui motivasi, membangunkan ekonomi keluarga dengan projek kebun sayur fertigasi, program peningkatan akademik anak-anak, kemahiran hidup dan menanam sikap mementingkan kebersihan.

Katanya, UMP berkongsi kepakaran dengan memberi bimbingan mengenai projek penanaman sayur seperti terung, bayam dan jagung menggunakan kaedah pertanian fertigasi bagi membantu mereka menjana pendapatan keluarga terutama pada musim tengkujuh.

Sementara itu, peserta Facelift Kuala Pahang, **Nyak Rosnah Othman** berterima kasih kepada UMP kerana memberi peluang kepadanya memiliki rumah baharu hasil daripada projek tersebut.

"Jika sebelum ini kami tinggal di rumah yang sudah usang dan rosak kerana dimakan anai-anai, sekarang rumah lebih selesa dan mempunyai tiga bilik.

"Saya juga peserta kemahiran program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan akan meneruskan perniagaan urutan selepas bersalin sertaspa bergerak bagi membolehkan kami sekeluarga dapat menikmati kehidupan lebih baik," ujarnya.

Bagi **Rosli Othman** pula, dia bersyukur kerana dapat memiliki rumah lebih selesa yang disediakan ruang untuk bercucuk tanam menggunakan teknologi fertigasi.

"Ini membolehkan saya mengusahakan tanaman, sekali gus menambah pendapatan dengan menjual tanaman sendiri. Saya juga bersedia untuk mengikuti kursus disediakan UMP bagi meningkatkan produktiviti tanaman menggunakan teknologi terkini," katanya.